

## IRSYAD

### Soalan

Apakah hukum berkumur dengan ubat kumur (Listerine dan seumpamanya) semasa berpuasa?

### Jawapan

Bagi memastikan kesempurnaan ibadah puasa, kita hendaklah menghindari perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa dan mengurangkan kesempurnaan ibadah puasa. Sabda Nabi *Sallallahu alaihi wasallam* daripada Abu Hurairah *Radiallahu anhu* iaitu:

رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ وَرُبَّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ

Maksud: "Boleh jadi orang yang berpuasa itu tidak mendapat apa-apa daripada puasanya melainkan lapar dan boleh jadi orang yang berqiyam itu tidak mendapat apa-apa daripada qiyamnya melainkan hanya berjaga malam".

(Hadis Riwayat Ibnu Majah, 1690)

Maka, setiap tindakan mahupun amalan seharian perlulah sentiasa dijaga agar puasa yang dilakukan tidak akan terjejas.

Adapun berkumur semasa berwuduk, maka ia adalah disunatkan, sama ada bagi orang yang berpuasa atau tidak. Walau bagaimanapun, berkumur dan melakukan *istinsyaq* (memasukkan air ke dalam hidung) secara *mubalaghah* (melampau) adalah makruh bagi orang yang berpuasa. Ini berdasarkan hadis Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* daripada Laqit ibnu Sabrah iaitu:

أَشْبِعِ الْوُضُوءَ وَبَالَغْ فِي الْإِسْتِنْشَاقِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا

Maksud: "Dan sempurnakanlah wuduk dan masukkan (bersungguh-sungguhlah) air ke dalam hidung, kecuali dalam keadaan kamu berpuasa".

(Hadis Riwayat Ibn Majah, 407)

JABATAN MUFTI SARAWAK

Maksud *mubalaghah* ketika berkumur dan *istinsyaq* ialah seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi dalam *al-Majmu`Syarh al-Muhadzdzab* daripada Imam al-Syafii yang bermaksud: "Berlebih-lebihan (*mubalaghah*) semasa berkumur itu ialah dengan mengambil air dengan kedua-dua bibirnya lalu memusing-musingkan air di dalam mulutnya kemudian meludahnya dan semasa *istinsyaq* itu dengan mengambil air dengan hidungnya dan menarik air itu dengan nafasnyanya kemudian dihembus dan tidak ditambah lebih daripada itu."



## IRSYAD

Dalam isu berkaitan dengan perbuatan berkumur-kumur dengan air biasa, atau dengan menggunakan ubat kumur (*Listerine* dan seumpamanya) adalah tidak membatalkan puasa selagi tidak menelan air dan bahan kumuran tersebut.



جَابَاتَانِ مُفْتِي سَرَاوَاكْ  
JABATAN MUFTI SARAWAK